



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 69
Bil. 14

7hb Julai 2016

*TAMBAHAN
No. 1*

KANUN TANAH NEGARA
(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE
(Act 56 of 1965)

No. 1926.

[Subsekyen 64 (2)]

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH
BAGI MAK SUD AWAM

[Subsection 64 (2)]

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND
FOR PUBLIC PURPOSE

Bahawasanya melalui Pemberitahuan No. 1783 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Perak* pada 28 Oktober 2010, Pihak Berkuasa Negeri pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subsekyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56 tahun 1965] telah mengisyiharkan bahagian tanah yang terletak di Mukim Hulu Kinta, Daerah Kinta yang diperihalkan dalam Jadual dan terlukis di atas Pelan Hasil Ukur Bil. 106284 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Perak sebagai rizab bagi maksud suatu tapak untuk Simpanan Khas yang dikawal oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan diselenggara oleh Majlis Bandaraya Ipoh.

Dan bahawasanya adalah kini didapati suai manfaat oleh Pihak Berkuasa Negeri bahawa perizaban tanah yang disebut terdahulu itu dibatalkan sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual.

Maka oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara, Pihak Berkuasa Negeri dengan ini memberi notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun itu, mengenai cadangan untuk membatalkan perizaban tersebut sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual dan sesiapa jua yang ingin membantah pembatalan itu akan didengar oleh Pengarah Tanah dan Galian, Perak dalam satu siasatan yang akan diadakan di Bilik Mesyuarat, Pejabat Daerah dan Tanah Kinta, Ipoh pada 26 Julai, 2016 jam 8.00 pagi hingga 1.00 tengahari.

JADUAL

Daerah—Kinta. Mukim—Hulu Kinta. No. Pelan—106284. No. Lot—393507.
Luas—1,041 meter persegi.

Bertarikh 30 Mei 2016
[PTG.Pk. 503/5-115(C); KT.1/4-179;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 75]

SHahrul Azam bin Shaari

Setiausaha

Majlis Mesyuarat Kerajaan

Perak Darul Ridzuan

Whereas by Notification No. 1783 published in the States of Perak Government Gazette on 28 October 2010, the State Authority in exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [Act 56 of 1965], proclaimed that the parcel of land situated in Mukim of Hulu Kinta, District of Kinta described in the Schedule and delineated upon Revenue Survey Plan No. 106284 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping, Perak for the purpose of a site for a Special Reserve, which is controlled by the State Secretary of Perak and maintained by the Ipoh City Council;

And Whereas it now appears expedient to the State Authority that the aforesaid reservation should be revoked as described in the Schedule;

Now therefore, in exercise of the powers conferred upon the State Authority under subsection 64(1) of the National Land Code, the State Authority gives notice under subsection 64(2) of the Code of the proposal to revoke the reservation described in the Schedule and those who wish to object to such revocation will be heard by the Director of Lands and Mines, Perak in an inquiry to be held at the Meeting Room, District and Land Office of Kinta, Ipoh on 26 July 2016 at 8.00 am to 1.00 pm.

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

7hb Julai 2016]

1967

SCHEDULE

District—Kinta. Mukim—Hulu Kinta. Plan No.—106284. Lot No.—393507.
Area—1,041 square metres.

Dated 30 May 2015
[PTG.Pk. 503/5-115(C); KT.1/4-179;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 75]

SHahrul Azam bin Shaari

Secretary

*State Executive Council
Perak Darul Ridzuan*

Hakcipta Pencetak(H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Seuja Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA